

>> **RM15,000** untuk individu manakala **RM5,000 berpasukan** bagi pingat perak

HARIAN METRO

Perak beri ganjaran

Ipoh: Ganjaran tertentu akan diberikan kerajaan negeri kepada Cheong Jun Hoong yang berjaya meraih pingat perak acara terjun 10 meter platform seirama bersama pasangannya, Pandelega Rinong pada Sukan Olimpik Rio 2016, awal pagi semalam.

Menteri Besar Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir berkata, beliau akan mengumumkan bentuk ganjaran yang akan diberikan kepada anak kelahiran Perak itu sedikit masa lagi.

Katanya, ganjaran disediakan Majlis Sukan Negeri pada masa ini ialah RM15,000 untuk individu dan RM5,000 untuk berpasukan jika meraih pingat perak di peringkat antarabangsa termasuk Olimpik.

"Bagaimanapun, kami akan memikirkan sesuatu ganjaran lain kerana acara disertainya itu membabit-

kan pasukan disertai dua orang saja," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Exco kerajaan negeri di sini, semalam.

Beliau turut mengucapkan tahniah dan menyatakan penghargaan kerajaan negeri yang berbangga dengan pencapaian dicatatkan atlet kelahiran Ipoh yang masih menuntut di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Menurutnya, kerajaan negeri berharap pencapaian Jun Hoong dapat menjadi inspirasi kepada atlet Perak yang lain untuk mencatatkan kejayaan sama.

Katanya, Jun Hoong adalah anak Perak kedua berjaya meraih pingat perak pada Sukan Olimpik selepas Cheah Soon Kit yang melakukannya bersama Yap Kim Hock dalam acara beregu badminton pada Sukan Olimpik Atlanta 1996.

FAKTA
Ganjaran disediakan Majlis Sukan Negeri

Kongsi **RM300,000**

■ **Pandelega, Jun Hoong turut terima pencen RM3,000**

BERNAMA
Rio de Janeiro

Gandingan penerjun negara, Pandelega Rinong dan Cheong Jun Hoong berkongsi ganjaran RM300,000 serta pencen bulanan RM3,000 seorang sebagai ganjaran atas kejayaan memenangi pingat perak Sukan Olimpik Rio.

Di bawah skim insentif Majlis Sukan Negara (MSN) untuk Olimpik, pemenang pingat emas menerima RM1 juta dan pencen bulanan RM5,000, perak pula RM300,000 dan pencen bulanan RM3,000 manakala gangsa RM100,000 serta pencen bulanan RM2,000.

Pasangan itu meraih pingat perak acara 10 meter platform seirama wanita di Sukan Olimpik Rio selepas mengumpulkan 344.34 mata di belakang pemenang emas dari China manakala gan-



JUN Hoong (kiri) meraikan kejayaan selepas upacara menerima pingat di Rio de Janeiro.

dingan Kanada mendapat gangsa.

Pandelega sebelum ini menjadi atlet wanita pertama Malaysia memenangi pingat di Sukan Olimpik apabila mendapat gangsa dalam acara 10m platform individu di edisi London, empat ta-

hun lalu.

Ketua Pengarah MSN, Datuk Ahmad Shapawi Ismail berkata, Pandelega dan Jun Hoong berkongsi sama rata hadiah wang tunai RM300,000 itu manakala pencen bulanan itu bermula serta-merta.

Ditanya sama ada pemenang dua pingat Olimpik, Pandelega menerima dua pencen berbeza, Ahmad Shapawi menjelaskan atlet itu menerima satu sahaja iaitu jumlah tertinggi antara pingat perak dan gangsa yang diperolehnya.